

Hujan lebat luar biasa punca Kuantan bah

Kuantan: Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang mengenal pasti hujan lebat luar biasa serta saiz longkang yang kecil adalah faktor beberapa jalan utama di pusat bandar mengalami banjir kilat, Isnin lalu.

Pengarah SWCorp Pahang, Datuk Mohd Nor Afandi Abdul Aziz, berkata berdasarkan pemantauan, kejadian banjir itu bukan berpunca daripada longkang yang tersumbat akibat dipenuhi sampah sarap.

Katanya, Alam Flora Sdn Bhd

yang menjalankan kerja pembersihan iaitu mengutip sampah dalam sistem perparitan menjalankan operasi mereka mengikut jadual ditetapkan.

Saiz longkang tidak mampu tampung aliran air

"Dalam hal ini, banjir kilat yang berlaku berpunca daripada hujan lebat luar biasa dan pada masa sama saiz longkang yang kecil tidak mampu menampung aliran air sehingga melimpah ke atas jalan raya.

"Bagaimanapun, SWCorp akan



Saya harap pihak bertanggungjawab dengan kerja pembersihan bertindak segera sebelum keadaan menjadi lebih teruk"

Zakaria Mohamad,
Pesara

menjalankan pemantauan bagi memastikan sistem perparitan di pusat bandar berada dalam keadaan baik dan tidak tersumbat dengan sampah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai beberapa jalan utama utama di pusat bandar mengalami banjir kilat iaitu di Jalan Bukit Ubi, Jalan Tun Ismail dan Jalan Pintasan Kuantan-Pelabuhan dekat Kolej Universiti Shahputra, di sini, malam Isnin lalu.

Kejadian itu mencetuskan kebimbangan orang ramai khusus-

nya warga Kuantan berikutan banjir kilat itu berlaku bukan pada musim tengkujuh.

Sementara itu, seorang pesara, Zakaria Mohamad, 65, dari Indera Mahkota, di sini, meminta pihak berkuasa memastikan sistem perparitan bukan saja di bandar, malah kawasan perumahan diselenggara dengan lebih kerap.

Katanya, ia perlu dilakukan bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku setiap kali hujan lebat kerana keadaan itu menimbulkan kesulitan kepada orang ramai khususnya pengguna lalu lintas.